



MEREKA CARI KESEMPATAN SEMASA PARTI  
HADAPI KRISIS—MAHATHIR

# Awasi golongan yang cuba hancur UMNO

KUALA LUMPUR, Ahad

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan membenarkan orang memeralatkan parti untuk kepentingan diri sendiri.

Bellau membidas golongan berkenaan, yang menurutnya, sentiasa menunggu dan berusaha mendambil kesempatan dan "menunggu di air keruh bila berlaku sebarang krisis atau masalah dalam UMNO."

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda dan UMNO Bahagian Selangor di sini pagi ini, Timbalan Perdana Menteri, yang juga Naib Presiden UMNO, berkata: "Bila berlaku krisis dalam parti, golongan ini akan mengaplikan perasaan ahli dengan tujuan hendak merebut kuasa dan mendapat pengaruh. "Dan apabila ini berlaku, keadaan poli-

tik akan menjadi tidak tenang dan akibatnya bukanlah membawa kejayaan kepada parti, tapi semata-mata memberi faedah kepada pihak tersebut.

"Ahli-ahli Umno jangan membenarkan perkara ini berlaku demi menyelamatkan parti dari hancur di tangan orang-orang tersebut."

## Kepentingan

Datuk Seri Mahathir menjelaskan tidak ada orang luar yang memperjuangkan UMNO, tapi UMNO diperjuangkan oleh orang-orang UMNO sendiri.

"Dan hanya UMNO sahaja yang memperjuangkan kepentingan rakyat dan negara," tegasnya.

Oleh yang demikian, tambah bellau, penting bagi orang-orang

UMNO sendiri mempastikan kejayaan perjuangan UMNO dan "untuk menayakan ini mereka perlu memikirkan cara-cara menggunakan parti bagi mencapai matlamat perjuangannya."

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya memikirkannya sedalam-dalamnya segala ikhtiar untuk mengatasi sebarang krisis atau masalah yang mungkin timbul dalam UMNO.

"Mereka tidak boleh bertindak mengikut perasaan hati untuk mengatasiasai masalah-masalah tersebut," beliau menasihatkan.

## Perhitungan

Sebaliknya, perhitungan yang mendalam perlu dijalankan dan dicari ikhtiar "supaya segala saluran dan peruntukan yang disediakan dalam perlembagaan parti dapat digunakan

bagi menyelesaikan masalah."

Bellau gembira kerana UMNO walaupun telah banyak kali mengalami krisis dan masalah sejak ditubuhkan 32 tahun lalu telah dapat menyelesaikannya dengan baik dan cekap.

"Kejayaan ini bukan sahaja memperkukuhkan lagi kedudukan dan perpaduan parti, tetapi menambahkan lagi kepercayaan UMNO.

"Hakikat ini perlu direnungi bersama oleh setiap ahli UMNO supaya dapat dijadikan panduan bila menghadapi sebarang masalah di masa depan," jelasnya.

● Ketua Pergerakan Wanita UMNO Selangor, Hajah Anjah Mohd. Arif mengesahkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mendermakan \$50 di salah satu gerai sempena mesyuarat agung Pemuda dan UMNO Bahagian Selangor di Kuala Lumpur semalam.

Datuk Seri Dr. Mahathir telah merasmikan mesyuarat tersebut. — Gambar Berita Harian.